

Dr Mahathir mula lawatan 2 hari di Bangkok

BANGKOK: Isu Selatan Thailand dijangka menjadi antara perkara yang bakal dibincangkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan pemimpin Thailand, selepas beliau dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di sini semalam, untuk lawatan dua hari atas jemputan pengerusi Suruhanjaya Perdamaian Kebangsaan (NCR) Anand Panyarachun.

Ketibaan Dr Mahathir dan isteri disambut oleh Timbalan Menteri Luar, Sub Lt Prapas Limpabandhu dan Duta Malaysia ke Thailand, Datuk Shaarani Ibrahim.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra, di kediaman rasminya di Ban Phitsanulok sebelum menghadiri jamuan sempena lawatannya.

Walaupun tiada agenda khusus, kedua-dua mereka dijangka membincangkan pelbagai isu kepentingan bersama khususnya kekacauan di kawasan penduduk Islam di selatan negara itu.

Hari ini, Dr Mahathir dijadual bertemu Anand, bekas Perdana Menteri, sebelum mengadap Raja Thailand, Raja Bhumipol Adulyadej dan Ratu Sirikit Kitiyakorn di Istana Klaikangvol sebelum pulang. - Bernama



BINCANG: Dr Mahathir berbual dengan Thaksin di Ban Phitsanulok, Bangkok, semalam.